

21 JAN 1998

Emas

WANITA MALAYSIA DIANGGAR SIMPAN EMAS RM1,500 SEORANG

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar wanita Malaysia menukarkan emas milik mereka kepada wang tunai, sekiranya dilaksanakan akan menghasilkan jumlah tabungan yang besar berdasarkan simpanan emas mereka, menurut seorang peniaga emas di sini.

Shum Seng Kam berkata golongan itu tidak sukar menyahut seruan Perdana Menteri itu kerana mereka dianggarkan memiliki purata emas bernilai RM1,500 seorang.

Katanya adalah menjadi tradisi wanita Melayu, Cina dan India gemar membeli emas sebagai perhiasan diri sempena sambutan hari-hari istimewa dalam hidup.

"Wanita Malaysia membeli emas untuk upacara seperti perkahwinan, perayaan atau menerimanya sebagai hadiah. Bayangkan jumlah emas yang dapat dikumpul daripada wanita di negara ini yang merangkumi 48 peratus daripada sejumlah 21 juta penduduk," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mencadangkan wanita menjual emas bagi tujuan tabungan dan pelaburan saham amanah bagi membolehkan lebih banyak dana dikumpul oleh institusi kewangan, yang kemudiannya akan dijadikan pinjaman kepada peniaga untuk meningkatkan produktiviti negara.

Katanya, kerajaan hanya meminta wanita Malaysia menyimpan wang di bank-bank atau melaburkannya di amanah saham dan bukannya menderma emas mereka kepada kerajaan seperti di negara-negara lain yang menghadapi krisis ekonomi.

Shum, yang juga Setiausaha Persatuan Perniagaan Emas dan Permata Wilayah Persekutuan dan Selangor, berkata cadangan Dr Mahathir itu perlu disokong demi masa depan negara walaupun ia mungkin merugikan peniaga emas.

"Peniaga akan rugi jika ramai yang menukar emas dalam simpanan mereka kepada wang dan mereka juga akan kurang membeli. Tetapi, cadangan itu boleh dilihat dari dua sudut, di satu segi, ia mungkin merugikan peniaga dan satu lagi, demi kebaikan masa depan negara," katanya.

Shum berkata, sekiranya pengguna menjual emas pada masa ini, mereka akan mendapat keuntungan berikutan penurunan nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

Di Malaysia kini, harga emas jenis 916 bagi setiap gram adalah RM46 berbanding RM33 setiap gram pada Julai tahun lepas, katanya.

Bagaimanapun, katanya, harga dunia bagi emas tulen 999 pada masa ini adalah yang paling rendah sejak 18 tahun iaitu AS\$290 setiap auns. Pada Julai lepas, harga emas tulen 999 ialah AS\$350 setiap auns.

Sementara itu, Pengerusi Pergerakan Wanita Umno, Tan Sri Aishah Abdul Ghani berkata wanita Malaysia tidak perlu menderma emas seperti yang dilakukan wanita di Korea Selatan, Thailand atau Indonesia baru-baru ini sebagai membantu kerajaan masing-masing menjelaskan hutang negara.

"Menderma emas hanya setakat membantu buat jangka masa terdekat sahaja, kerana seseorang itu tidak akan boleh menderma banyak kali...Yang penting berjimat dan menabung," katanya.

Ketua Wanita MIC, Senator Sarasa Pasamanickam berkata inilah masanya bagi wanita Malaysia mencuba bentuk pelaburan baru itu seperti yang disarankan Dr Mahathir, di samping memperolehi keuntungan daripadanya.

"Saya fikir kita patut mencubanya (cadangan itu), lagipun masanya adalah tepat.

"Bagi wanita yang mampu dan mempunyai barangan kemas yang berlebihan, mereka boleh berbuat sedemikian," katanya.

Katanya, Wanita MIC berharap dapat membincangkan cadangan itu dengan terperinci pada mesyuarat tertinggi Jawatankuasa Wanita Barisan Nasional mengenai kegawatan ekonomi negara, esok. -- BERNAMA

RAZ AKD